



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan  
Maklum Balas



Peta Laman

<a href="#">Utama</a>	<a href="#">Profil Kementerian</a> ▾	<a href="#">Piagam Pelanggan</a>
-----------------------	--------------------------------------	----------------------------------

[Hubungi Kami](#) ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Maybank IB Jangka Tiada Cukai Utama Diperkenal](#)

## Berita Harian - Maybank IB Jangka Tiada Cukai Utama Diperkenal

🕒 Selasa, Okt 30 2018



# Maybank IB jangka tiada cukai utama diperkenal

24/10/18

**Maybank** Investment Bank (IB) menjangkakan tiada cukai utama baharu seperti cukai keuntungan modal, pusaka dan cukai karbon akan diperkenalkan dalam Bajet 2019.

Bagaimanapun, bank pelaburan itu melihat kemungkinan berlaku pelarasan pada *sin tax*, terutama dalam aktiviti perjudian yang sudah lama tidak dikaji semula.

Bagi minuman beralkohol dan rokok yang dikenakan cukai jualan 10 peratus di bawah rejim cukai jualan dan perkhidmatan (SST), Maybank IB berkata, isu bagi industri yang terjejas itu adalah sama ada terdapat penguatkuasaan yang berkesan untuk membenhdung pasaran haram.

“Dari apa yang kami lihat, pemansuhan Cukai Barang dan Per-

khidmatan (GST) memberi ruang kepada tenaga kerja dan sumber Kastam daripada pengauditan GST kepada untuk meningkatkan dan mengetatkan penguatkuasaan bersama agensi lain yang berkaitan,” katanya dalam nota penyelidikan di Kuala Lumpur, semalam.

Maybank IB berkata, kemungkinan tiada cukai utama pada Bajet 2019 kerana Panel Kajian Sistem Cukai yang ditugaskan dengan pembaharuan sistem cukai hanya mula bertugas pada bulan lalu dan dijangka mengemukakan cadangannya pada pertengahan 2019.

Katanya, sektor hartanah secara keseluruhannya berkemungkinan tidak diperkenalkan langkah seperti kelonggaran pembiayaan pada pembentangan Bajet 2019.

“Ia biarpun isu lambakan bekalan hartanah yang tidak berkesudahan dan tumpuan kerajaan terhadap perumahan mampu milik pada Bajet 2019,” kata firma penyelidikan itu.

### Isu lambakan

Katanya, Bajet 2019 boleh dijangka memulakan dan melancarkan inisiatif dan sasaran mengenai perumahan mampu milik di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) dan Dasar Perumahan Negara 2.0.

“Dengan tumpuan terarah kepada perumahan mampu milik dan di sebalik isu lambakan hartanah berterusan, kami tidak melihat sebarang kelonggaran dalam langkah berhemat makro di sektor hartanah,” katanya.



Dengan tumpuan terarah kepada perumahan mampu milik dan di sebalik isu lambakan hartanah berterusan, kami tidak melihat sebarang kelonggaran dalam langkah berhemat makro di sektor hartanah”

**Kenyataan Mybank IB**

Maybank IB berkata, insentif fiskal pada Bajet 2019 akan memberi tumpuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), produktiviti dan penggunaan teknologi, selari dengan sasaran RMKe-11.

Sasaran itu termasuk meningkatkan sumbangan PKS dalam keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan eksport, meningkatkan sumbangan produktiviti kepada pertumbuhan ekonomi menerusi penggunaan teknologi.

Kepentingan penggunaan teknologi ditegaskan dalam pelancaran Dasar Kebangsaan Industri 4.0.

Maybank IB menjangkakan defisit Bajet 2019 kekal di atas tiga peratus daripada KDNK, iaitu pada kadar 3.5 peratus. Ia lebih rendah daripada jangkaan defisit 3.7 peratus pada tahun ini.





## Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#) <[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#) <[e-Penyertaan & Maklumbalas](#) <[Statistik & Prestasi](#) <[Pautan](#) <[Agensi](#) <

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**